

STATISTIK KERATAN AKHBAR MEI 2023

BIL	TAJUK PERKARA	SUMBER/MUKA SURAT	TARIKH	BAHAGIAN/FAIL
1	AMANAH BESAR BUAT IPTA, LPU	HARIAN METRO MS 21	10/05/2023	KPT
2	MAHASISWA RAYU SEGERA SALUR E- DOMPET RM200	UTUSAN MALAYSIA MS 05	18/05/2023	KPT
3	KPT, USIM PERKASAKAN OKU	BERITA HARIAN MS 23	22/05/2023	KPT
4	KEJAR PENGETAHUAN SECARA BERTERUSAN	UTUSAN MALAYSIA MS 17	23/05/2023	KPT
5	PONTENG KERJA, TAK HADIR BERTUGAS PALING POPULAR	BERITA HARIAN MS 07	23/05/2023	SEMASA
6	ANAK TUKANG JAHIT GRADUAN CEMERLANG UiTM	UTUSAN MALAYSIA MS 31	23/05/2023	KPT
7	SIASAT, TANGANI SEGERA ADUAN BULI DI SEKOLAH	BERITA HARIAN MS 13	24/05/2023	SEMASA
8	IMAM ABU HANIFAH KEILMUANNYA TIDAK PERLU DIPERSOALKAN	HARIAN METRO MS 15	27/05/2023	AGAMA
9	SISTEM ANJAL DIPERKENAL	UTUSAN MALAYSIA MS 07	29/05/2023	KPT

JUMLAH KESELURUHAN : 9

Harian Metro | Rabu 10.05.2023

@hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my

21

lokal

Amanah besar buat IPTA, LPU

Perlu main peranan kembalikan kepercayaan terhadap sistem pendidikan negara seiring zaman

Oleh Suliati Asri

suliati@hmetro.com.my

Putrajaya

Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) disaran memainkan peranan penting dalam membangunkan semula kepercayaan dalam sistem pendidikan negara agar terus berdaya saing.

Saranan itu dizahirkan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin yang menyifatkan peranan LPU sebagai amanah nasional dan tanggungjawab yang mesti dilaksanakan demi negara.

Mohamed Khaled berkata, sejak dua dekad lalu, kepercayaan masyarakat terhadap universiti semakin menipis dan keupayaan keyakinan ini berikutan IPTA dilihat tidak bergerak sederas perubahan di sekelilingnya.

"Kita perlu akui defisit kepercayaan terhadap IPTA bukan sekadar persepsi, tetapi realiti.

"Kementerian tidak boleh mendepani segala kritikan, keupayaan kepercayaan dan kesusutan keyakinan secara bersendirian.

"Kementerian juga tidak boleh membangunkan keunggulan IPTA tanpa sokongan semua pihak kerana semua ini menuntut kerjasama dan kesepakatan semua pemegang taruh.

"Oleh itu, saya ingin bertemu semua Pengerusi dan LPU hari ini," katanya ketika berucap pada Program Suai Tugas Strategik Ahli Lembaga Pengarah Universiti (SofBoD) di sini.

SofBoD dianjurkan bertujuan untuk memperkasa kepimpinan Universiti Awam dan usaha mengharmonikan peranan Lembaga Pengarah dan Pengurusan Universiti.

Antara objektif SofBoD adalah untuk memperkaskan kompetensi kritikal Ahli Lembaga Pengarah Universiti Awam (LPU) agar seiring dengan kemajuan trend dan keperluan teknologi pendidikan tinggi global.

SofBoD membantu LPU memahami peranan dan tanggungjawab sebagaimana diamanahkan terutama kepada ahli baharu dilantik.

Mohamed Khaled turut menyenaraikan beberapa fungsi dan peranan penting Pengerusi dan LPU yang disifatkan kritikal.

Ia termasuk peranan Pe-



MOHAMED Khaled (tengah) bersama tetamu di Program Suai Tugas Strategik Ahli Lembaga Pengarah Universiti Awam (SofBoD) di Putrajaya. - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH



MOHAMED Khaled melancarkan VCEC yang akan menjadi garis panduan pengajar bagi mengendalikan sesi latihan kepada Naib Canselor yang dipilih.

nerusi dan Ahli LPU sebagai wakil kerajaan dan kepentingan awam dalam IPTA yang memikul amanah nasional.

Mohamed Khaled berkata, LPU bukan kerja dan tanggungjawab biasa-biasa kerana ia adalah *a sacred duty* untuk bangsa dan tanah air.

"Adalah menjadi tanggungjawab kalian (LPU) untuk melawan dan membanteras apa jua yang membelakangkan kepentingan kebangsaan serta membantu dalam melonjakkan potensi dan prestij universiti.

"Apabila IPTA kita maju, terkehadapan dan berprestasi ia akan menguntungkan negara seterusnya memanfaatkan tanah air. Kerana itu mereka yang dipilih untuk mengisi LPU adalah tokoh yang ada pengalaman, kepakaran dan pelbagai kemahiran," katanya.

LPU turut disaran menggunakan pengalaman, pengaruh dan kepelbagaian ja-

ringen untuk melonjakkan prestasi universiti dalam memastikan peranan ketiga LPU iaitu membantu universiti untuk membangun dan berprestasi tinggi.

"Melonjakkan keunggulan universiti memerlukan mobilisasi pengalaman, kepakaran dan *network* semua pihak terutama dalam membangun jaringan dengan industri, sektor perniagaan dan Kerajaan serta melonjakkan hubungan di peringkat antarabangsa.

"Justeru, LPU mesti menjadi pihak yang meyakinkan universiti untuk melihat *big picture* dalam proses menyampaikan ilmu dan melahirkan graduan serta membantu universiti bertindak dan berfungsi bukan sekadar kilang pencetak ijazah.

"Melalui peranan sedemikian, Insya-Allah kita dapat membebaskan universiti daripada bersifat terlalu akademik dan terpisah daripada realiti sekeliling," katanya.

Peranan keempat pula, menurut Mohamed Khaled, LPU perlu menjadi pihak paling bermaklumat, berpengalaman dan terkini melalui pelbagai latihan dan program pembangunan kapasiti.



TETAMU yang hadir mendengar penerangan ketika program.



Latihan serta program pembinaan kapasiti dilakukan mesti bertaraf dunia, bersifat kontemporari dan berupaya menjawab krisis kepemimpinan IPT"

Mohamed Khaled

rahan, inspirasi serta panduan kepada semua Pengerusi dan ahli-ahli LPU.

"Saya juga berharap kita bersama-sama beriklan yang terbaik kerana segala agenda negara dan masa depan bangsa bergantung kepada sejauh mana kita semua berupaya menjayakan misi pendidikan tinggi negara," katanya.

Pada majlis sama, Mohamed Khaled turut melancarkan melancarkan Modul *Vice Chancellor Executive Coaching* (VCEC) yang akan menjadi garis panduan pengajar dalam mengendalikan sesi latihan kepada Naib Canselor yang dipilih.

Turut diadakan Sesi Forum bertajuk Peranan, Fungsi dan Tanggungjawab LPU yang menampilkan barisan ahli panel iaitu Pengerusi Majlis Lembaga Pengarah Universiti Awam Tan Sri Dr Mohd Shukor Mahfar, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo, Pengarah MINDA Universiti Kebangsaan Malaysia Prof Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali dan Mantan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi Prof Datuk Dr Husaini Omar dipimpin oleh Pengasas bersama The iA Group Sdn Bhd Datuk Dr Hamzah Kassim.

Dalam Negeri

Anak tukang jahit graduan cemerlang UiTM

SHAH ALAM: Seorang anak tukang jahit tidak mensia-siakan peluang dan harapan ibu bapanya ketika menuntut di universiti apabila tamat pengajian di Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan Anugerah Naib Canselor.

Lebih manis, Graduan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Pengurusan Perladangan, Nur Nilam Sari Ramlan, 24, yang meraih Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 3.89 itu menerima anugerah khas daripada Pernerbadanan Komuniti Peladang (ISP) pada Istiadat Konvokesyen Ke-96 berkenaan.

Nur Nilam Sari yang berasal dari Kampung Sungai Besar, Sabak Bernam, dekat sini berkata, dia berasa sangat bersyukur kerana mampu cemerlang seperti dua abangnya yang juga merupakan graduan UiTM di cawangan Lendu, Melaka dan Dungun, Terengganu.

"Alhamdulillah bantuan Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dapat ditukarkan menjadi biasiswa.

"Saya bukan dari keluarga yang senang. Kedua-dua ibu bapa bekerja sebagai tukang ja-

hit dengan pendapatan kira-kira RM2,000 sebulan. Jadi, saya sangat menghargai peluang yang ada. Malah, kami datang hari ini (semalam) dengan berpakaian yang dijahit oleh emak dan ayah," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* pada sidang ke-4 istiadat tersebut, semalam.

Dalam istiadat tersebut, seramai 255 graduan daripada Fakulti Perladangan dan Agroteknologi bersama-sama 1,008 mahasiswa dari UiTM Cawangan Negeri Sembilan dan Melaka menerima ijazah sarjana muda serta diploma masing-masing.

Sementara itu, ibunya, Marziana Mat Salleh, 55, dan bapa, Ramlan Masri, 55, turut menzahirkan kesyukuran di atas kejayaan ketiga-tiga anaknya yang menamatkan pengajian di UiTM.

"Sebenarnya, saya (ibu) pun alumni Institut Teknologi Mara (ITM) tahun 1986-1989 dalam bidang tekstil. Saya pun teruja apabila anak-anak menyambung pengajian di UiTM. Yang pertama dalam bidang grafik, kedua pula kulinari dan bongso perladangan," katanya.



NUR Nilam Sari Ramlan (tengah) bergambar bersama ahli keluarganya selepas tamat Sidang Ke-4 Istiadat Konvokesyen Ke-96 dekat Dewan Agong Tuanku Canselor, UiTM Shah Alam, Selangor.
- UTUSAN/AFIQ RAZALI

IMAM ABU HANIFAH

KEILMUANNYA TIDAK
PERLU DIPERSOALKAN

Bersama

Dr Zamihan
Mat Zin al-Ghari

B

Imam Abu Hanifah adalah seorang tokoh ulama Islam yang disanjung kesajaranaannya dulu, kini dan akan datang



"Tentang apakah mereka bertanya-tanya?"

(Surah an-Naba', ayat 1)

aru-baru ini ada seorang individu kelahiran Syria dilihat merendah-rendahkan keilmuan seorang ulama besar mujtahid iaitu Imam Abu Hanifah RH.

Saya berasa sangat terpenggil untuk meluruskan pemikiran individu berkenaan yang dilihat berada dalam kejahilan dan kekeliruan minda, namun gemar membicarakan soal agama.

Untuk makluman pembaca, ini bukan kali pertama individu berkenaan mengutuk ilmuwan Islam tersohor malah beliau dilihat sudah beberapa bersikap biadab.

Namun masih lepas serta bebas melakukan kenyataan agama yang batil tanpa tindakan tuntas daripada pihak berkuasa.

Imam Abu Hanifah antara empat imam mazhab terkemuka bersama-sama dengan Imam asy-Syafii RH, Imam Malik RH dan Imam Ahmad bin Hanbal RH.


Sebenarnya keilmuan Imam Abu Hanifah ini tidak perlu dipersoalkan lagi. Malah Imam asy-Syafie pernah menukilkan bahawa sesiapa yang ingin mendalami ilmu maka dia bergantung kepada Abu Hanifah dalam bidang fiqh berdasarkan kepada kitab Siyar A'lam al-Nubala'.

Dalam riwayat yang lain, Imam al-Muzani mendengar gurunya iaitu Imam asy-Syafie berkata: "Manusia bergantung kepada Abu Hanifah dalam manhaj qiyas dan istisnā'."

Tindakan individu berketurunan Arab berkenaan merendahkan Imam Abu Hanifah jelas memperlihatkan kerendahan akhlakunya apabila hampir semua ilmuwan Islam memperakui keupayaan Imam Abu Hanifah daripada sudut keilmuan, ketokohan dan akhlakunya.

Dalam kitab ath-Thabaqat As-Saniyyah fi Tarajim al-Hanafiyyah dinyatakan bermaksud: "Daripada Abu Muthi' al-Balkhi, bahawa Sufyan bin Uyainah, Muqatil bin Hayyan, Hammad bin Salamah dan ulama lain daripada kalangan ahli fiqh masa itu melakukan perjumpaan.

"Mereka berkata: "An-Nu'man (Abu Hanifah) ini mengaku faham fiqh, padahal di sisinya hanya qiyas. Mari datangi dia dan kita akan mendebatnya dalam masalah



MAZHAB Imam Hanafi tersebar dan menjadi ikutan paling ramai di serata dunia seperti Mesir, Turkiye, Syria, Iraq, India, Pakistan, Rusia dan China.

ini.

"Jika dia katakan bahawa itu hasil qiyas, maka kita katakan kepadanya: "Apakah dirimu menyembah qiyas-qiyas? Dan orang yang pertama kali melakukan qiyas adalah Iblis, semoga Allah melaknatnya. Iblis berkata (sebagaimana dalam firman Allah yang ertinya): "Engkau menciptakan aku daripada api dan Engkau menciptakan Adam daripada tanah."

Kemudian mereka berdebat dengan Abu Hanifah pada hari Jumaat di Masjid Jamik Kufah. Abu Hanifah pun menyampaikan pandangan mazhabnya kepada mereka.

Maka kemudian mereka berkata: "Engkau adalah pemimpin golongan ulama. Maafkan kami. Kami mencela anda tanpa pengujian dan melakukan pertimbangan."

Pada kurun kedua Hijrah, muncul perselisihan ilmiah yang masyhur di antara aliran Ahl al-Hadith yang mengutamakan hadis dalam pendalilan hukum dan aliran Ahl ar-Ra'yi yang menggunakan ijtihad dalam memahami nas syarak.

Pergeseran antara dua aliran ini cukup sengit hingga ada yang menuduh pihak lawan dengan

tohman yang tidak benar.

Aliran Ahl ar-Ra'yi dipelopori oleh Imam Abu Hanifah yang dilahirkan di Kufah pada 80H dan meninggal dunia di Baghdad pada 150H. Nama sebenar Abu Hanifah ialah an-Nu'man bin Thabit bin an-Nu'man atau Zuta al-Kufi, berketurunan Parsi.

Beliau tokoh mujtahid Islam yang terkenal mengasaskan mazhab Hanafi. Mazhab beliau tersebar dan menjadi ikutan paling ramai di serata dunia seperti Mesir, Turki, Syria, Iraq, India, Pakistan, Rusia dan China. Bilangan keseluruhan gurunya dikatakan seramai 4,000 orang. Beliau mula mengajar dan mengambil alih tempat gurunya, Hammad bin Abi Sulaiman hanya setelah kewafatannya iaitu pada 120H ketika berusia 40 tahun.

Melihat sumbangan besar beliau dalam bidang fiqh adalah amat sukar diterima kritikan liar yang mendakwa beliau lemah dalam bidang hadis.

Jika kurang memberi fokus terhadap hadis, nescaya beliau tidak akan mampu mengistinbatkan banyak hukum fiqh berdasarkan hadis. Adapun tentang sedikit riwayat hadisnya, ia sama sekali tidak menunjukkan sedikitnya hadis yang beliau ketahui. Ini kerana fokus utama

beliau ialah mengistinbatkan hukum daripada hadis dan bukan meriwayatkannya.

Dikatakan, persoalan fiqh Imam Abu Hanifah mencapai jumlah lebih 500,000 masalah. Jumlah ini bertepatan dengan apa yang dicatatkan dalam kitab al-Wasiyyah bahawa beliau meriwayatkan sebanyak 500,000 hadis.

Kesimpulannya, Imam Abu Hanifah adalah seorang tokoh ulama Islam yang disanjung kesajaranaannya dulu, kini dan akan datang. Mazhabnya diikuti jutaan manusia seluruh dunia dan tidak boleh dipadam dengan mana-mana pendapat atau kritikan biadab daripada mana-mana pihak.

Namun, demi menjaga nama baik ulama dan sumbangannya pada dunia Islam, amat wajar individu berkenaan yang dilihat merendah-rendahkan ketokohan ilmuwan Islam ini dikenakan tindakan yang tegas. Kita seharusnya memegang teguh prinsip serta manhaj Ahli Sunah Waljamaah dalam mendepani kepelbagaian doktrin ekstrem dan sesat.

Penulis Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi)

Kejar pengetahuan secara berterusan

**ISKANDAR
HASAN
TAN ABDULLAH**

SEWAKTU membentangkan Belanjawan 2023 di Dewan Rakyat pada 24 Februari lalu, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengungkapkan bahawa kerajaan perpaduan dengan tegas akan melaksanakan reformasi institusi dan tatakelola baik bagi menghapus segala ruang yang boleh mewujudkan amalan rasuah dan penyelewengan sistemik. Syukurlah, setelah hampir enam bulan kerajaan perpaduan memerintah yang disokong oleh 19 parti politik dengan majoriti dua pertiga terbentuk, iltizam Anwar ini didukung oleh semua menteri Kabinet.

Ini menyebabkan Anwar ketika menyampaikan Amanat Perdana semasa Konvensyen Nasional Kerajaan Perpaduan di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) pada 14 Mei lalu menegaskan, tiada pimpinan kerajaan perpaduan yang terlibat dengan salah laku mahupun rasuah sepanjang enam bulan pentadbiran.

Tegas beliau, "Kalau orang tanya apa hebatnya kerajaan perpaduan, saya jawab hebatnya kerana pasukan pimpinannya bertekad untuk hentikan kerosakan dan keruntuhan nilai hingga menyebabkan negara ini rugi serta dihina oleh dunia kerana amalan untuk memperkayakan diri serta menyalahgunakan kuasa."

Tidak dinafikan ada sedikit isu yang mencalarakan imej kerajaan perpaduan bila lima pegawai Kementerian Sumber Manusia (KSM) berdepan siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) susulan isu membabitkan pengambilan pekerja asing.

Begitupun, Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar membuat tindakan pantas dan tegas bagi memastikan tatakelola baik wujud di KSM dengan segera menamatkan kontrak pegawai-pegawai tersebut sekali gus menutup ruang spekulasi mengenai integriti para pegawai



V. SIVAKUMAR (tiga dari kanan) dan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin (tiga dari kiri) bergambar dalam majlis prapelancongan Minggu Latihan Kebangsaan (NTW) 2023 di Putrajaya pada 17 April lalu. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Mengangkat semula martabat negara melalui Malaysia Madani perlu dimulai dengan modal insan."

kementerian berkenaan.

Satu langkah lain bagi lebih memantapkan KSM ialah memasukkan Datuk Seri Dr. Zaini Ujang yang berpengalaman luas dalam bidang pengurusan sumber manusia, pendidikan, perancangan, penyelidikan dan alam sekitar sebagai Ketua Setiausaha berkuat kuasa 19 April.

Bebas daripada kemelut ini, KSM kini mengorak langkah ke hadapan untuk merealisasikan visinya sebagai Peneraju Pembangunan dan Pengurusan Sumber Manusia Negara atas kesedaran bahawa mengangkat semula martabat negara melalui Malaysia Madani perlu dimulai dengan modal insan.

Telah ditegaskan sebelum ini bahawa pembangunan ekonomi pascapandemik hanya akan mampu berlangsung dengan modal insan yang gagah, dinamik, tangkas dan berkemampuan, maka dengan itu membangun dan meningkatkan modal insan perlu menjadi keutamaan terbesar negara.

Dalam konteks inilah peranan agensi terpenting

KSM, iaitu Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp.) diketuai Datuk Shahul Dawood selaku Ketua Pegawai Eksekutifnya, amat ditagih untuk mewujudkan pembangunan modal insan yang berdaya tahan.

Ini penting kerana mengikut Randstad Malaysia's 2022 Workmonitor Report, 97 peratus tenaga kerja Malaysia berminat memajukan diri tetapi hanya 36 peratus daripada mereka yang menerima peluang untuk membangun dan meningkatkan kemahiran daripada majikan masing-masing.

Malah, nama HRD Corp. disebut oleh Anwar dalam pembentangan Belanjawan 2023 bahawa dana RM1 bilion akan dimanfaatkan untuk melaksanakan program latihan kemahiran kepada pekerja-pekerja bagi majikan yang berdaftar dan mempunyai levi terkumpul.

IMPAK BESAR

Selaras dengan visinya untuk memperbaiki kehidupan melalui pembelajaran sepanjang hayat dan pemerolehan kemahiran kerja di masa depan, HRD Corp. melakukan pelbagai inisiatif seperti pelancaran platform sehati nasional pertama negara, Upskill Malaysia yang menampilkan senarai komprehensif program latihan dan pembangunan kemahiran ditawarkan oleh kerajaan.

Lebih mutakhir ialah penganjuran Minggu Latihan Kebangsaan (NTW) 2023 yang berlangsung di seluruh

negara pada 22 hingga 28 Mei lalu bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan latihan serta memupuk budaya pembelajaran sepanjang hayat.

NTW 2023 dijangka menarik kehadiran lebih 5,000 jurulatih dan kolaborator yang akan menyampaikan lebih 5,000 kursus latihan meliputi pelbagai topik dan kemahiran secara percuma dengan sasaran sehingga 125,000 peserta dari pelbagai golongan serta merekod lebih 500,000 jam.

Antara pelbagai jenis latihan yang ditawarkan termasuk kemahiran teknikal dan juga kemahiran insani (*soft skill*) seperti kepimpinan, pengurusan masa dan kemahiran komunikasi mahupun yang tertumpu kepada bidang-bidang tertentu seperti teknologi maklumat, keusahawanan, kewangan dan banyak lagi.

Program dengan anggaran kos latihan bernilai lebih RM250 juta ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang ingin meningkatkan kemahiran dan ia akan memberikan manfaat besar kepada mereka yang menghadapi kekangan untuk mendapatkan latihan serta kursus diperlukan.

Sepanjang tempoh seminggu ini, politeknik dan kolej komuniti di bawah Kementerian Pengajian Tinggi di seluruh negara umpamanya akan menawarkan pelbagai kursus dan latihan jangka pendek secara percuma kepada semua graduan, tenaga kerja dan

sesiapa sahaja yang mahu meningkatkan kapasiti dan kebolehpasaran diri.

Terdapat lapan majlis perasmian NTW 2023 yang akan berlangsung di seluruh negara sepanjang minggu ini termasuk di Manipal International University, Nilai, oleh Sivakumar; di Pusat Pembangunan Kemahiran (PSDC), Pulau Pinang oleh Ketua Menteri; dan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC) oleh Ketua Menteri, semuanya pada 23 Mei ini.

Ini diikuti majlis kemuncak NTW 2023 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 27 Mei ini yang dijadualkan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Tidak syak lagi, NTW 2023 adalah satu program sangat baik yang dilaksanakan oleh HRD Corp. dan KSM untuk membawa pelajar, institusi pengajian tinggi dan pemain industri bersama dalam usaha menguatkan kemahiran dan pengetahuan bakat dan tenaga kerja negara.

NTW 2023 juga menggambarkan komitmen tinggi HRD Corp. dan KSM untuk menghidupkan konsep Malaysia Madani terutama nilai teras Kemampanan, Kesejahteraan dan Daya Cipta yang memerlukan rakyat mengejar pengetahuan dan kecemerlangan secara berterusan.

Oleh itu, kerajaan, pemain industri dan seluruh rakyat perlu bekerjasama untuk mengambil bahagian dan seterusnya memperkuat dan memampakan NTW 2023 dalam usaha menjadikannya satu program tahunan yang berimpak besar untuk jangka panjang.

Semoga kumpulan sasaran NTW 2023, iaitu individu dalam kategori-kategori kanak-kanak, remaja, orang dewasa muda atau pelajar universiti, siswazah, orang dewasa yang bekerja atau golongan profesional serta warga emas akan memanfaatkan sepenuhnya program percuma ini.

DR. Iskandar Hasan Tan Abdullah ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kelantan.

Mahasiswa rayu segera salur e-dompot RM200

18/5/23
Um
MS

Oleh NURSYAHIDAH SAIDI
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Mahasiswa universiti merayu kerajaan segera menyalurkan bantuan RM200 e-dompot kepada mereka seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 7 April lalu.

Menurut mereka, bantuan tersebut dapat membantu meringankan beban dan berhadapan kos sara hidup yang turut meningkat di kampus.

Yang Dipertua (YDP) Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Malaysia (USM), Afirul Idris Ayub Khan berkata, inisiatif itu disambut baik oleh mahasiswa dan berharap ia dapat disegerakan.

Katanya, mahasiswa memohon kerajaan dapat mempercepatkan inisiatif e-dompot itu untuk dimanfaatkan oleh pelajar.

"Kehidupan sebagai mahasiswa sangat mencabar kerana terpaksa menghadapi pelbagai cabaran dari segi kewangan, kesihatan mental dan kebolehpasaran graduan. Inisiatif itu sedikit sebanyak dapat membantu pelajar dari segi kewangan," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi semalam.

Dalam sesi dialog Perdana Menteri bersama Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Se-Malaysia April lalu, Anwar berkata, kerajaan bersetuju memperluaskan bantuan tunai e-dompot kepada semua mahasiswa tanpa menetapkan had umur berbanding 18 hingga 20 tahun seperti dibentangkan dalam Belanjawan 2023.

Sementara itu, YDP MPP UiTM, Mohamed Yusuf Hassan Roslan berkata, pihaknya menyambut baik inisiatif tersebut dan perlu disegerakan pembayarannya.

"Dengan ada inisiatif ini, ia membantu mahasiswa dalam mendepani cabaran kehidupan di universiti masing-masing," katanya.

Kata Yusuf, pemberian itu per-



AFIRUL IDRIS AYUB KHAN



MOHAMED YUSUF HASSAN

lu disegerakan kerana sesi pembelajaran kini sudah memasuki pertengahan semester.

"Secara tidak langsung, ia memberi suntikan moral untuk kami terus cemerlang dalam pelajaran. Jadi, kami mohon jasa baik pihak kerajaan melaksanakannya segera," katanya.

Menurutnya, peningkatan kos sara hidup tidak dapat dinafikan dari tahun ke tahun, tetapi itulah cabaran kepada mahasiswa.

"Mereka perlu kuasai dua perkara iaitu pengurusan masa dan pengurusan kewangan. Ini semua adalah proses pembelajaran dan pematangan mahasiswa supaya menjadi lebih kental dalam menjalani kehidupan.

"Saya yakin inisiatif ini sebenarnya membuktikan kerajaan pada hari ini adalah 'mesra mahasiswa' serta memastikan kebajikan kami semua terjamin," katanya.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: KPT, USIM PERKASAKAN OKU

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 23

TARIKH : 22/05/2023

KPT, USIM perkasakan OKU

Nilai: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menerusi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menandatangani memorandum perjanjian dengan Pusat Robotik Eureka, Universiti Metropolitan Cardiff, United Kingdom baru-baru ini dalam usaha mempromosikan pendidikan inklusif dan memperkasakan orang kurang upaya (OKU).

Kerjasama itu akan memberi tumpuan untuk memanfaatkan teknologi robotik dan pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan

dan Matematik (STEM) bagi meningkatkan peluang pembelajaran OKU.

Ketua Setiausaha KPT, Datuk Seri Abdul Razak Jaafar, berkata kerjasama itu dimeterai sebagai usaha menyahut seruan menjadikan Malaysia sebagai hab pembangunan bakat.

Katanya, perjanjian kerjasama antara USIM dan Universiti Metropolitan Cardiff adalah peristiwa penting dalam usaha memartabat pendidikan inklusif.

"Gabungan kedua-dua institu-

si ini bukan hanya menerusi kerjasama latihan dan penyelidikan.

"Sebaliknya ia turut merangkumi pertukaran kepakaran dalam penggunaan teknologi robotik dan pendidikan STEM.

"Semuanya bertujuan untuk memperkasakan individu kurang upaya dan menyediakan mereka capaian yang sama kepada pendidikan berkualiti," katanya pada majlis menandatangani memorandum itu di Cardiff.

Sementara itu, Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Sharifudin Md Shaarani, berkata sebagai institusi pendidikan tinggi awam yang berteraskan sains Islam, USIM sentiasa mencari ruang bagi memupuk minat masyarakat dalam sains dan teknologi, terutamanya dalam kalangan orang kurang upaya dan kurang berkemampuan.

"Kerjasama dengan Universiti Metropolitan Cardiff adalah langkah penting ke arah menyemarakkan pendidikan STEM menerusi teknologi terkini robotik," katanya.



Rombongan KPT bergambar dengan wakil Universiti Metropolitan Cardiff pada majlis menandatangani memorandum di Cardiff.

BH Selasa, 23 Mei 2023

Nasional

'Ponteng kerja, tak hadir bertugas paling popular'

Penjawat awam langgar peraturan berdepan tindakan tatatertib

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Ponteng kerja atau tidak hadir hingga sehari-hari menjadi kesalahan paling kerap dilakukan penjawat awam.

Mendedahkan perkara itu, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Tan Sri Zainal Rahim Seman, berkata sikap culas sedemikian tidak sepatutnya berlaku dalam perkhidmatan awam.

"Paling popular, ponteng kerja atau tidak hadir bertugas... sehari, dua hari, tujuh hari. Ada yang berpuluh hari. Ada ikut bulan, pergi cuti tahunan tanpa diketahui pun ada.

"Perkara seperti ini tidak patut berlaku dalam perkhidmatan awam, kita dibekalkan dengan tata cara atau tata kelola untuk hadir bertugas.

"Patuhilah peraturan sudah ditetapkan demi kebaikan anggota kerajaan dan kemajuan perkhidmatan awam pada masa depan," katanya selepas Majlis SPA bersama media semalam.

Mereka yang melanggar peraturan ditetapkan berdepan tindakan tata tertib yang akan disusuli sebaik dibawa oleh Ketua Jabatan atau Lembaga Tata Ter-



Zainal Rahim berbual bersama calon yang ditemu duga SPA selepas Majlis SPA bersama media di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

tib berkenaan di Kementerian dan jabatan.

Zainal Rahim berkata, hukuman lazimnya bermula dengan amaran, manakala peringkat terakhir ialah diturunkan pangkat dan pemecatan.

"Jika sabitan kes jenayah atau dadah yang menyebabkan imej perkhidmatan awam terjejas dan kelemahan diri masing-masing hingga ratusan hari tidak bertugas, itu kita buang kerja," katanya.

Sebelum seseorang individu diambil berkhidmat dalam kerajaan, katanya, pemeriksaan keselamatan bersama Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan juga Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dilaksanakan terlebih dahulu.

Ia bagi memastikan individu yang dipilih bersih dalam segala

aspek dan pelbagai cara dilakukan bagi memastikan mereka bersesuaian, cekap, berpengetahuan dan memiliki jati diri untuk berkhidmat dengan kerajaan.

Tiada diskriminasi

Berdasarkan statistik SPA pada 2020, 117 orang dikenakan tindakan tatatertib, tetapi berkurangan kepada 83 (2021) dan 51 (2022). Sebanyak 97 kes tahan kerja dilaporkan bagi tempoh tiga tahun iaitu pada 2020 hingga 2022. Sembilan kes digantung kerja pada 2020, manakala 10 kes untuk 2021 dan 14 kes bagi tahun berikutnya. Bagi rayuan tatatertib, sebanyak 284 kes direkodkan pada 2020 selain 314 pada 2021 serta 498 pada 2022.

Zainal Rahim menegaskan, tidak berlaku diskriminasi dalam pengambilan anggota perkhid-

matan, begitu juga penyertaan Orang Asli dan golongan orang kurang upaya (OKU). Dasar menetapkan sekurang-kurangnya satu peratus kakitangan diambil adalah kalangan golongan OKU.

Sementara itu, Zainal Rahim berkata, seramai 1,960,261 calon memohon sebagai penjawat awam pada 2022 hingga 11 Mei lalu, namun jumlah pengambilan hanya membabitkan 26,436 jawatan.

Jumlah itu membabitkan 1,279,494 permohonan bagi 2022 berbanding jumlah yang berjaya dilantik hanya 20,762 orang, manakala pada tahun ini pula sejumlah 680,767 permohonan dengan 5,674 calon memperoleh jawatan.

Daripada jumlah permohonan itu, lebih 70 peratus adalah Melayu, manakala Cina hanya 1.2 peratus dan India 3.1 peratus.

Siasat, tangani segera aduan buli di sekolah

RABU 24 MEI 2023 MS 13

Anis Ayunie
Muhammad
Juhari You.

Universiti
Pendidikan
Sultan Idris

Buli adalah isu yang selalu kita dengar dan ia sentiasa dilaporkan hampir setiap masa. Baru-baru ini satu kes buli dilaporkan berlaku di sekolah berasrama penuh. Malah sebelum ini terdapat sebuah drama televisyen yang mengangkat kes buli dan mendapat publisiti meluas.

Di institusi pendidikan kes buli lebih mudah mendapat perhatian. Sama ada membabitkan sekolah harian, asrama malah hingga ke peringkat pendidikan tinggi kes buli masih tetap dilaporkan.

Kita mungkin beranggapan pendidikan boleh mengubah cara orang berfikir. Namun nampaknya ia tidak terpakai kepada semua orang. Ada yang bijak dalam pelajaran tetapi gagal mengawal emosi. Ada yang sekadar mengikut kawan tetapi terpalit sama menjadi pelaku. Semua hal ini menjelaskan terdapat banyak sebab mengapa buli boleh berlaku.

Umumnya ramai orang menuding jari kepada ibu bapa. Apabila kes buli berlaku faktor ibu bapa yang gagal bertanggungjawab membentuk tingkah laku anak-anak dicanang. Kesibukan ibu bapa mencari nafkah, kurang memberi kasih sayang, tidak memberi perhatian kepada anak dikaitkan sebagai punca berlakunya kes buli.

Mungkin hal ini separuh benar. Pertamanya ibu bapa berada dalam kehidupan anak-anak sejak dia dilahirkan. Mereka juga sepatutnya insan paling dekat dengan anak. Jadi cara didikan dan nilai kekeluargaan akan membentuk tingkah laku dan pemikiran anak. Seperti mana acuan begitulah kuihnya, andai diterap dengan nilai yang buruk, sukar anak membesar menjadi elok. Hal ini kerana anak diibaratkan bagai kain putih.

Namun pada akhirnya kita harus juga menanya-

kan diri kita sebagai ahli masyarakat. Apakah tanggungjawab kita sebagai pemimpin, guru, pengawas dan sebagainya. Tidak semua orang lahir dalam keluarga yang kurang didikan atau nilai kemanusiaan. Ada juga sebahagiannya yang lahir dalam keluarga baik, berpendidikan dan hebat. Namun mereka tetap menjadi mangsa buli.

Beri kesan negatif kepada mangsa

Pengalaman dibuli itu akhirnya meletakkan diri mereka dalam trauma. Hal ini boleh menyebabkan mereka kemudiannya menjadi pembuli. Ada juga yang terjejas emosinya kesan menjadi mangsa buli dan mengambil masa untuk pulih.

Ada remaja yang menjadi pembuli kerana ikut kawan. Mereka mahu mendapat pengiktirafan ra-

kan sebaya. Jadi mereka ikut menjadi pembuli kerana hal sebegitu dianggap sebagai sebahagian pengiktirafan.

Sebagai guru, warden dan jawatan yang sama taranya, mereka juga perlu berperanan dan peka dengan anak didik. Jika ada aduan, lekaslah siasat dan buatlah dalam diam. Jangan disebarluaskan sebelum tahu kebenarannya yang akan hanya membolehkan si pelaku menutup jejaknya. Murid di asrama hanya bergantung sesama sendiri. Jika kes buli dilakukan oleh murid lebih tua, mangsa buli yang umumnya lebih muda tidak ada tempat mengadu.

Jika mengadu pada guru atau ibu bapa, namun berita itu sampai kepada pembuli mereka akan dipulaukan, diejek, dicemuh yang akhirnya mengganggu rasa selesa dan selamat sepanjang di asrama. Mangsa yang disenyapkan hanya akan menyebabkan kes buli berlarutan apatah lagi jika guru berkaitan tidak mengambil berat.

Kawalan disiplin yang longgar di sekolah dan ketidakprihatinan guru adakala boleh menjadi punca sikap agresif murid dan membawa kepada aktiviti gejala buli. Kawalan disiplin yang longgar membolehkan si pelaku merasa berani untuk terus melakukan kegiatan buli. Akibat ketiadaan sebarang tindakan kepada si pelaku, mereka akan lebih selesa dan mengambil peluang untuk terus melakukannya.

Namun, tiada masalah yang tidak boleh diselesaikan. Jadi banyak langkah yang strategik dan efektif boleh dilakukan oleh semua pihak dalam membendung masalah buli. Keprihatinan guru, ibu bapa juga rakan sebaya terutama bagi mereka di asrama amat diperlukan.

“Sebagai guru, warden dan jawatan yang sama taranya, mereka juga perlu berperanan dan peka dengan anak didik. Jika ada aduan, lekaslah siasat dan buatlah dalam diam”

Pembaca yang ingin berkongsi pandangan dan membuat aduan boleh e-mel ke bhforum@bh.com.my

Tarik minat golongan muda
sambung pengajian di IPT

Sistem anjal diperkenal

Oleh MASTURAH SURADI
utusannews@mediamulla.com.my

KOTA TINGGI: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan melakukan beberapa perubahan bagi menarik minat golongan muda di negara menyambung pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT) termasuk melaksanakan sistem pendidikan anjal.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, perubahan itu termasuk melakukan sesi pembelajaran secara fizikal selama beberapa tahun di universiti dan rumah.

"Beberapa kursus dipendekkan dari empat tahun ke tiga tahun. Pengendalian seperti asasi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) boleh masuk dengan keputusan asas tetapi mereka boleh ke peringkat yang mana mereka mahu.

"Kalau masuk menerusi politeknik selama tiga tahun, bila sambung boleh terus masuk tahun dua. Jadi, kita akan jadikan semua itu lebih mudah dan kita juga akan tekankan latihan industri dan *work base training*, tidak semua pembelajaran mesti dalam kelas, pelajar berada beberapa bulan di industri, di lapangan.

"Itu semua sedang dirangka dan saya akan umumkan se-



MOHAMED KHALED NORDIN

mua perkara ini pada penutupan Program Jom Masuk U yang dijangka pada 4 Jun ini," katanya diminta mengulas tarikan ekonomi gig dalam kalangan golongan muda sehingga dikhuatiri mengurangkan minat melanjutkan pengajian ke IPT.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Kota Tinggi menghadiri Program Semarak Komuniti Kota Tinggi bersama Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di sini, semalam.

Beliau turut memaklumkan, permohonan ke universiti yang direkodkan sejak tahun 2020-2022 menunjukkan peningkatan dengan kapasiti universiti awam mencapai 85 peratus.